

Nursing cover, kesantunan buat ibu menyusui

Oleh MAZNAH MUKHTAR

ISLAM amat menggalakkan ibu menyusui sehingga anaknya berusia dua tahun. Terdapat banyak kelebihan menyusui badan yang tidak dapat diragui. Selain membekalkan nutrisi yang diperlukan bagi tumbesaran dan kesihatan bayi, penyusuan susu ibu juga dapat menambahkan kemesraan dan kasih sayang sejati antara ibu serta anak. Bayi berasa dilindungi dan diperlukan. Seterusnya dapat menjimatkan ekonomi keluarga daripada pembelian susu formula di pasaran.

Baru-baru ini, isu *briefe* menjadi viral di media sosial. Banyak ulasan dan komentar daripada pelbagai pihak tentang perkara ini. Pendek cerita, apa alternatif dan penyelesaian terbaik supaya ibu-ibu dapat menyusui dengan selesa dan yang paling penting mematuhi syariat dan tatasusila kewanitaan?

Nursing cover yang diilhamkan oleh Jarummerah diasaskan oleh Mursyidah Mukhtar, 29, tampil untuk membantu ibu-ibu yang menyusui. Beliau yang lebih mesra dikenali sebagai Musyi terpenggil untuk menciptanya sebagai memenuhi permintaan keluarga terdekat dan kawan-kawan tentang penyusuan patuh syariat.

Tambahan pula, bekas pelajar Maahad Muhammadiyah Perempuan Kota Bharu, Kelantan itu berpendapat, adalah menjadi kewajiban fardu kifayah kepada umat Islam untuk mencipta keperluan Muslimat menyusui tanpa perlu mendedahkan aurat di hadapan khalayak ramai.

"Pada mulanya saya menjahit untuk keperluan diri sendiri setelah memiliki seorang puteri," cerita Mursyidah ketika ditanya bagaimana teretus idea untuk menghasilkan *nursing cover*.

"Setelah mendapat permintaan daripada adik beradik dan rakan terdekat telah membuka keinginan saya untuk menghasilkan *nursing cover* dengan lebih banyak.

"Alhamdulillah setelah mengiklankan melalui facebook dan instagram, permintaan semakin meningkat walaupun saya menjahit ketika waktu terluang sahaja," ujarnya yang memiliki kelulusan Sarjana Muda Sains Nuklear (kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan pernah memegang jawatan eksekutif di syarikat konsesi Kementerian Kesihatan (Pharmaniaga Logistics).

BERPUTIK

Minat menjahit berputik sejak berusia 10 tahun bermula dengan memerhati serta menolong ibu menjahit di rumah. Musyi anak ke-9 daripada 12 beradik kelahiran Kubang Kerian, Kelantan mula menjahit baju sekolah dan baju raya sendiri sejak dari sekolah rendah lagi.

Arwah ibunya mempunyai bakat seni kreatif seperti menjahit pelbagai jenis pakaian, sampul kusyen, telemek solat, sejadah, berkebolehan dalam mengait, menyulam dan mengubah bunga.



ANTARA keistimewaan produk ini ialah saiznya yang labuh dan lebar serta mempunyai tetulang bahagian atas untuk memantau bayi ketika menyusui dan baik untuk pengudaraan.



Pelanggan pertama yang diterima Musyi adalah daripada jualan di Instagram. Bermula dari situ, jualan bertambah sehingga hasil jualan secara *online* mencecah 1,000 unit. Pada peringkat awal, hanya terhad kepada empat corak yang diiklankan dengan menggunakan hashtag #nursingcovermurah dan #nursingcovermalaysia.

Antara keistimewaan produk ini ialah:

- Saiz yang labuh dan lebar (33 inci labuh x 43 inci lebar).
- Mempunyai tetulang bahagian atas untuk memantau bayi ketika menyusui dan baik untuk pengudaraan.
- Mempunyai tali boleh laras untuk keselesaan ibu ketika menyusui.
- Material kain kapas Jepun yang tidak panas dan tidak jarang.
- Corak yang cantik dan menarik.
- Harga yang murah dan mampu milik (RM45 termasuk belanja pos).

Beliau memilih nama Jarummerah kerana sinonim dengan gelaran 'mek merah' dalam kalangan adik beradik semasa kecil. Tambah beliau, suami,

BEBERAPA contoh *nursing cover* ilham daripada Jarummerah yang menjadi pilihan pengguna.

adik beradik dan keluarga mertua sentiasa memberi dorongan dengan idea-idea baharu. Bertambah semangat untuk menjahit apabila menerima hadiah sebuah mesin jahit daripada ibu mertua sempena perkahwinan hujung tahun 2013.

Selepas itu, beliau membeli mesin *heavy duty* untuk menampung pesanan yang makin meningkat. Waktu menjahit adalah sangat terhad hanya waktu lapang semasa bayi tidur dan bermain.

"Saya langsung tidak menyebel berhenti kerja malah bersyukur dan tenang sebab ada masa yang fleksibel untuk menguruskan anak dan rumah tangga di samping mencari peluang berniaga kecil-kecilan secara atas talian untuk mengisi masa lapang," sambunginya yang merupakan isteri kepada Fadzlan Arief Tan Sri Rodzali, seorang pegawai di sebuah syarikat minyak dan gas di Kuala Lumpur.

Ditanya mengenai impian dan perancangan masa depannya, Musyi berhasrat untuk memiliki sebuah kedai menjual barangan keperluan bayi dan mempelbagaikan produk untuk kemudahan ibu menyusui yang menjaga syariat.

